



## PERPUSTAKAAN DI OHIO KESINAMBUNGAN BUDAYA DAN TRADISI ILMU

Di tengah-tengah kemajuan teknologi yang pesat, Columbus, iaitu sebuah bandar metropolitan di Ohio, Amerika Syarikat (AS) merupakan antara 50 buah negeri yang tetap mempertahankan tradisi budaya ilmu melalui sistem perpustakaan awamnya.

**M**eskipun dunia digital kini mendominasi, rangkaian perpustakaan awam negeri, iaitu Columbus Metropolitan Library (CML), tetap menjadi tumpuan utama penduduk tempatan, khususnya pada hari-hari biasa.

CML yang mula ditubuhkan pada tahun 1873 telah berkembang menjadi satu daripada sistem perpustakaan yang terbaik di negara tersebut. Dengan sebanyak 23 cawangan yang tersebar di seluruh daerah Franklin County, CML bukan sekadar tempat untuk meminjam buku semata-mata, malah turut berfungsi sebagai pusat pembelajaran, inovasi dan interaksi komuniti.

Cawangan utama CML yang terletak di pusat bandar Columbus menjadi ikon kepada budaya ilmu di bandar ini. Bangunan perpustakaan yang megah itu dibina dengan seni yang menggabungkan unsur klasik dan moden, menjadi simbol komitmen bandar terhadap pendidikan dan pengetahuan. Setiap hari, ribuan pengunjung memenuhi ruang perpustakaan ini. Daripada pelajar yang mencari tempat belajar yang tenang hinggalah golongan profesional yang menggunakan kemudahan teknologi, datang untuk memenuhi urusan kerja mereka.


Antara cawangan CML yang popular, termasuklah cawangan Westerville yang terletak di pinggir bandar Columbus. Cawangan ini terkenal dengan koleksi bukunya yang banyak dan program komuniti yang inovatif. Pada hari biasa, lazimnya cawangan Westerville dipenuhi oleh pelbagai lapisan masyarakat. Kanak-kanak boleh dilihat menghadiri sesi bercerita, sesi menyelesaikan kerja sekolah, manakala para remaja memenuhi ruang remaja yang direka khas untuk mereka. Orang dewasa pula memanfaatkan kelas pendidikan dewasa dan bengkel kemahiran digital yang ditawarkan.

Cawangan Reynoldsburg pula menawarkan pengalaman unik dengan memfokuskan pada teknologi dan inovasi. Perpustakaan ini dilengkapi dengan makmal digital canggih, apabila pengunjung boleh mengakses perkakasan dan perisian terkini untuk projek kreatif mereka. Walaupun dalam era maklumat boleh diakses dengan mudah melalui Internet, CML cawangan Reynoldsburg tetap menjadi tumpuan kerana banyak menawarkan pengalaman secara amali dan praktikal yang tidak dapat diperoleh secara dalam talian.

Budaya ilmu yang dipupuk melalui pemeraksanaan perpustakaan ini bukan sekadar melalui pembacaan atau peminjaman buku, malah disertakan dengan penyediaan ruang yang kondusif. Ternyata, CML telah berjaya mengadaptasi peranannya dalam era digital dengan menggabungkan sumber tradisional dan teknologi moden.

Satu daripada inisiatif yang menunjukkan komitmen CML terhadap pembelajaran sepanjang hayat ialah program "Ready for Kindergarten". Program ini membantu ibu bapa dan penjaga mempersiapkan kanak-kanak untuk pendidikan awal yang menunjukkan bahawa perpustakaan bukan hanya sebagai tempat untuk membaca, bahkan juga sebagai pusat pembangunan komuniti.


CML juga menawarkan pelbagai sumber digital, termasuklah e-buku, buku audio dan kursus secara dalam talian. Yang menariknya, sumber digital ini tidak menggantikan bahan konvensional, namun melengkapi koleksi fizikal perpustakaan melalui bahan berbentuk salinan cetak (hard copy). Pada hakikatnya, pengunjung masih memilih untuk datang ke perpustakaan, menikmati




Perpustakaan utama CML yang terletak di bandar Columbus, Ohio.



Sudut bacaan yang berlatarkan taman kehijauan menarik minat pengunjung.



CML menyediakan ruang pelajar untuk melakukan tugas sekolah.



CML, cawangan Reynoldburgh merupakan antara 23 buah cawangan perpustakaan di Columbus.

suasana pembelajaran yang unik, berinteraksi dengan pustakawan yang berpengetahuan luas serta mempunyai sudut rehat yang sangat mendamaikan.

Dalam hal ini, peranan pustakawan di CML tidak hanya sekadar penjaga buku, namun merupakan fasilitator berpengetahuan. Mereka perlu membantu pengunjung melayari lautan maklumat yang ada, memberikan nasihat tentang sumber yang sesuai dan sering kali menjadi mentor tidak formal kepada pelajar dan pencari ilmu. Peranan mereka dalam memupuk budaya ilmu di bandar metropolitan Columbus, tidak boleh diremehkan. Melalui inisiatif tersebut, perpustakaan di Columbus berjaya mempromosikan budaya ilmu yang dinamik dan inklusif dalam menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat moden sambil mengekalkan nilai tradisional pembelajaran dan penemuan.

Menyedari tradisi ilmu pada era digital, perpustakaan ini terus menjadi bukti bahawa terdapat sesuatu yang tidak ternilai dalam



Perpustakaan dijadikan sebagai ruang rehat yang selesa untuk pengunjung menenangkan fikiran sambil menimba ilmu.

ruang fizikal yang didedikasikan untuk pembelajaran dan penemuan. Mereka bukan sahaja menyediakan akses kepada pengetahuan, malah turut memupuk semangat ingin tahu, menggalakkan pemikiran kritis, serta memperkukuhkan ikatan komuniti.

Budaya ilmu yang dipupuk di perpustakaan Columbus menjadi contoh antara institusi tradisional yang terus relevan dan penting dalam era moden. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun dalam dunia yang didominasi oleh skrin dan algoritma, masih ada tempat untuk buku fizikal, interaksi manusia dan penemuan yang tidak dirancang terus berlaku di rak perpustakaan.

Bagi mewujudkan perpustakaan yang menjadi pusat pembelajaran, inovasi dan komuniti yang dinamik seperti CML, kerajaan perlu mengambil beberapa inisiatif seperti memastikan setiap kawasan mempunyai akses yang mudah ke perpustakaan melalui pembinaan infrastruktur yang mencukupi dan mampu menarik komuniti untuk mengunjunginya. Kerjasama dan sinergi yang erat perlu ada antara kerajaan, perpustakaan, sekolah dan komuniti untuk mencapai matlamat tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa sokongan kewangan yang mencukupi dapat membantu dari aspek pembangunan dan penyelenggaraan

perpustakaan. Di CML, pembiayaan adalah melalui menggunakan dana yang diperoleh daripada pembayar cukai setempat. Di samping itu, kerajaan juga perlu menetapkan literasi sebagai keutamaan negara dan mempromosikannya secara meluas. Pengurusan perpustakaan juga perlu sentiasa berinovasi serta menyesuaikan perpustakaan dengan perkembangan teknologi dan keperluan masyarakat yang sentiasa berubah. Dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, perpustakaan bukan sahaja menjadi tempat untuk pembacaan dan peminjaman buku, bahkan mampu berfungsi sebagai pusat pertumbuhan intelektual, kesinambungan budaya dan tradisi ilmu bagi masyarakat setempat. ●

Prof. Madya Dr. Ratna Roshida Ab. Razak,  
Profesor Madya dari Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia dan sedang bersabitakat  
di Ohio, Amerika Syarikat.